

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

Bank Negara kekal unjuran KDNK 4 hingga 5 peratus

Bank Negara kekal unjuran KDNK 4 hingga 5 peratus

Jangkaan ambil kira permintaan domestik kekal berdaya tahan

Bank Negara Malaysia (BNM) masih mengekalkan unjurannya untuk pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini antara 4 hingga 5 peratus, kata Gabenor Datuk Abdul Rasheed Ghaffour.

Beliau berkata, permintaan dalam negeri kekal berdaya tahan dan pasaran kerja kini semakin

baik, seterusnya menyokong perbelanjaan pengguna.

"Sektor pelancongan pula sedang pulih dengan baik dan dijangka terus berkembang. Malah, syarikat penerbangan juga meningkatkan kapasiti mereka untuk memenuhi permintaan lebih tinggi."

"Akhir sekali, projek infrastruktur berbilang tahun juga turus memacu kegiatan ekonomi," katanya kepada Bernama pada temu bual eksklusif pertamanya dengan media selepas dilantik menjadi jawatan berkenaan.

Abdul Rasheed yang tempoh lima tahun sebagai Gabenor BNM bermula pada 1 Julai, berkata gambaran yang lebih jelas mengenai prestasi bagi separuh pertama 2023 akan diketahui beberapa minggu lagi apabila Jabatan Perangkaan Malaysia menyiaran KDNK suku kedua 2023.

Dalam laporan Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2022 yang dikeluarkan 29 Mac lalu, BNM berkata, ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 4 hingga 5 peratus pada 2023, disokong permintaan dalam negeri yang kukuh di tengah cabaran yang meningkat berikutnya pertumbuhan glo-

bal yang semakin perlahan.

"Sejak dengan aktiviti perdagangan global lebih perlahan, sama seperti yang dicatatkan ekonomi lain, eksport kasar diunjurkan berkembang secara sederhana pada 1.5 peratus pada 2023," katanya.

Prestasi suku pertama 2023
Bagaimanapun, pemulihan sepanjangnya dalam kemasukan pelancong asing dan pertumbuhan import yang sederhana akan terus memberikan sokongan kepada pertumbuhan eksport bersih, menurut bank pusat itu.

Pada suku pertama 2023, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan lebih baik daripada jangkaan sebanyak 5.6 peratus diidorong, terutama oleh perbelanjaan sektor swasta dalam persekitaran perbelanjaan isi rumah yang meningkat, aktiviti pelaburan berterusan, pasaran buruh bertambah baik dan aktiviti pelancongan lebih giat.

Pada 2022, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan sederhana 8.7 peratus susulan penamatannya sepenuhnya langkah pembendung COVID-19, pertumbuhan yang mantap dalam eksport khususnya eksport komoditi, pemulihian aktiviti pelancongan dan sokongan dasar yang berterusan.

BERNAMA

